

04 OCT 2002

Gerakan-Kee/I

WANITA GERKAAN MINTA RAKYAT TOLAK HUDUD PAS

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Ketua Wanita Parti Gerakan Rakyat Malaysia Datuk Kee Phaik Cheen meminta rakyat Malaysia menolak hukum hudud baru ala-Pas seperti yang diluluskan di Kelantan dan Terengganu kerana ianya bercanggah dengan Perlembagaan.

Katanya hukum hudud yang digubal oleh Pas itu tidak boleh diterima dalam sebuah masyarakat moden, bertamadun dan progresif kerana ia secara jelas mendiskriminasi kaum wanita.

"Apa saja undang-undang yang melanggar prinsip hak asasi dan kesaksamaan perlu dihapuskan," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Wanita Gerakan di sini hari ini.

Mengenai penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains, Kee berkata soal itu tidak seharusnya dijadikan isu politik.

"Kita perlu menyerahkan kepada pakar pendidikan untuk menyediakan sistem terbaik, sama ada ia bermula dengan bahasa ibunda atau kaedah penyerapan," katanya.

Kee berkata sebarang penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris tidak sepatutnya menjadi isu.

"Marilah kita beri tumpuan kepada usaha kita untuk mendapatkan sesuatu kelebihan," katanya.

Dalam ucapannya itu juga, Kee berkata Wanita Gerakan menyanjung tinggi pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kesaksamaan hak untuk wanita.

Katanya disebabkan pendirian konsisten Perdana Menteri dalam isu-isu antarabangsa, Malaysia dipandang tinggi oleh dunia.

"Rakyat Malaysia harus berbangga," kata Kee.

-- BERNAMA

SR AHH MAI